

07 JUL 2003

PRESIDEN RUSIA VLADIMIR PUTIN TANGGUH LAWATAN KE M'SIA

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Presiden Rusia Vladimir Putin yang dijadualkan membuat lawatan rasmi sehari ke negara ini esok telah menangguhkan lawatannya itu.

Dalam satu kenyataan hari ini, setiausaha Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Yatim berkata lawatan itu telah ditangguhkan ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Menurut agensi berita asing, Putin menangguhkan lawatannya itu ekoran daripada serangan bom berani mati dua pemberontak Chechen semasa konsert terbuka di lapangan terbang Tushino di republik itu pada 5 Julai lalu.

Akhbar hari ini melaporkan angka kematian akibat daripada tragedi itu meningkat kepada 22 orang.

Semasa lawatan rasmi ke negara ini, Putin dijadualkan bertemu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan melancarkan Dewan Perniagaan Malaysia-Rusia.

-- BERNAMA

NN AHH RON